

HARI : SABTU  
TARIKH : 6/7/2019  
M/SURAT : 43

## DVD bernilai RM81,250 dirampas

**IPOH 5 Julai** - Sejumlah 12,450 unit cakera video digital (DVD) tanpa label Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bernilai RM81,250 dirampas dalam dua serbuan di premis bersinggan di Gopeng dan Kampar semalam.

Ketua Seksyen Penguat Kuasa Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) Perak, Mohd. Sakhri Mohd. Salleh berkata, serbuan kira-kira pukul 2 petang itu dilakukan sekumpulan sembilan pegawai penguat kuasa, hasil maklumat serta aduan dari pada orang awam.

"Hasil pemeriksaan di kedua-dua premis tersebut, kita mengesyaki mereka ada menawarkan untuk membekalkan DVD tanpa label cakera optik KPDNHEP.

"Sehubungan itu, sebanyak 12,450 unit DVD berkenaan yang dianggarkan bernilai RM81,250 disita untuk tindakan lanjut," katanya dalam sidang akhbar di PPDNHEP negeri di sini hari ini.